



## **SIARAN AKHBAR**

### **DIALOG MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI MEMPERCEPATKAN TINDAKAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN YANG BERDAYA TAHAN (*SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS, SDGs*)**

***Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, 20 September 2021***

Cabaran serantau yang menjadi perhatian terutamanya impak pandemik COVID-19 terhadap agenda pembangunan yang berdaya tahan, memerlukan kerjasama serantau untuk menanganinya. Ini adalah sejajar dengan seruan global untuk memperbaharui tekad dalam membangun pemulihan yang kukuh, berdaya tahan dan inklusif, dan juga mengambil tindakan tegas bersepadu seperti yang dinyatakan dalam *High Level Political Forum on Sustainable Development* pada bulan Julai 2021.

Perkara ini dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ketika menghadiri Dialog Menteri-Menteri ASEAN mengenai Mempercepatkan Tindakan untuk Mencapai Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan (*Sustainable Development Goals, SDGs*) yang telah diadakan secara maya pada 20 September 2021.

Semasa sesi tertutup, Yang Berhormat Dato bertukar-tukar pandangan mengenai pencapaian *SDGs* dan pada masa yang sama, merealisasikan Visi Komuniti ASEAN 2025. Dalam pada itu, Yang Berhormat Dato mengongsikan perspektif dari aspek pengalaman Negara Brunei Darussalam yang mana meskipun cabaran daripada gelombang kedua pandemik COVID-19 dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam, usaha Negara Brunei Darussalam bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan *SDGs* diteruskan sejak *Voluntary National Review* dihadapkan buat kali pertama pada tahun 2020.

Antara lainnya, Negara Brunei Darussalam meneruskan usaha dalam memajukan pelaksanaan *SDGs* dengan menambah baik pemantauan dan penilaian, mengatasi jurang data dan mengembangkan tindakan kolektif. Dalam hal ini, peluang-peluang yang sedia ada kini diterokai, terutamanya kerjasama dengan pelbagai badan-badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan memanfaatkan sokongan mereka yang berharga.

Yang Berhormat Dato seterusnya mengongsikan bahawa dalam konteks pelaksanaan, Negara Brunei Darussalam akan meneruskan pendekatan bersepadu seluruh negara dalam mengaitkan kelestarian dengan pengurusan seharian. Ke arah itu, Kerajaan meningkatkan lagi kerjasama bersama pihak-pihak yang berkepentingan termasuk belia,



institusi kewangan dan organisasi bukan kerajaan untuk mencari jalan ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan.

Kerjasama ini serta keterangkuman ditekankan sebagai langkah penting bukan hanya di peringkat kebangsaan bahkan juga di peringkat serantau. Perkara ini didukung sama melalui Kerangka Pemulihan Komprehensif ASEAN untuk muncul lebih mantap dari kesan pandemik wabak COVID-19 dan dengan melengkapkan usaha masing-masing dalam lima (5) dimensi kritikal di bawah Agenda 2030.

Berpandukan kepada pengalaman kebangsaan dan kerjasama serantau yang sedia ada, Yang Berhormat Dato mengemukakan dua perkara. Pertama, kepentingan untuk memupuk kerjasama yang kukuh. Oleh itu, bagaimana dialog ini dapat melengkapkan dan mendukung badan-badan sektoral ASEAN yang lain perlu diterokai kerana ianya adalah kunci untuk kejayaan jangka pendek dan panjang.

Kedua, penyertaan pihak berkepentingan dalam mendukung *SDGs* juga harus dipertimbangkan. Sehubungan dengan itu, usaha Statistik ASEAN dalam menerbitkan Laporan Dasar Petunjuk *SDGs* ASEAN dipuji kerana ianya membantu dalam pengesanan dan pengukuran di peringkat nasional dan serantau. Dengan demikian, pada dialog seterusnya, Yang Berhormat mengesyorkan penyertaan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk *ASEAN Business Advisory Council* untuk mempromosikan tindakan yang berkesan bagi kesemua matlamat *SDGs*. Ke arah itu, Negara Brunei Darussalam menyambut baik dialog terbuka yang diadakan selepas sesi tertutup.

Dialog dimulakan dengan Ucapan Pembukaan oleh Pengerusi Bersama, Yang Mulia Suharo Monoarfa, Menteri Perencanaan Pembangunan Nasional Republik Indonesia. Turut hadir ialah menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan dari Negara-Negara Anggota ASEAN. Dialog terbuka juga diadakan di mana para pakar dan pihak berkepentingan yang berkaitan berkongsi pandangan mengenai topik berkenaan.

***JABATAN PERDANA MENTERI***

Jalan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Brunei Darussalam

13 Safar 1443 / 20 September 2021



## **PRESS RELEASE**

### **ASEAN MINISTERIAL DIALOGUE ON ACCELERATING ACTIONS TO ACHIEVE THE SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS**

***Prime Minister's Office, Bandar Seri Begawan, 20<sup>th</sup> September 2021***

Regional challenges that have caught our attention, especially the impact of the COVID-19 pandemic on sustainable development, require regional cooperation to resolve it. This is in line with the global call to renew our determination to build a strong, sustainable, and inclusive recovery and to take decisive action together as articulated at the High-Level Political Forum on Sustainable Development in July 2021. This was stated by Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Minister at the Prime Minister's Office, when he attended the ASEAN Ministerial Dialogue on Accelerating Actions to Achieve the Sustainable Development Goals (SDGs) held via video conference at the Prime Minister's Office on 20<sup>th</sup> September 2021.

During the closed session, Yang Berhormat Dato shared views on attaining the SDGs whilst at the same time realising the ASEAN Community Vision 2025. Yang Berhormat Dato stated that, notwithstanding the disruption of the COVID-19 pandemic, Brunei Darussalam's efforts to further strengthen SDGs implementation have been unwavering ever since the submission of the first Voluntary National Review back in 2020.

Among other things, Brunei Darussalam is continuing its efforts to advance SDGs implementation by strengthening monitoring and evaluation, addressing existing data gaps and building on collective action. On this note, available opportunities are explored especially through partnership with various bodies of the United Nations and tapping into their valuable support.

Yang Berhormat Dato further stated that in the context of implementation, Brunei Darussalam maintains the whole-of-nation approach to tying sustainability with day-to-day management. To do so, the Government has engaged with more stakeholders including youths, financial institutions and non-governmental organisations to find ways in which this goal could be achieved together.



These partnerships and inclusivity have been emphasised as essential not just at the national level but also regionally, which is so far driven by the ASEAN Comprehensive Recovery Framework to emerge stronger from the COVID-19 pandemic and complement the respective efforts of the five (5) critical dimensions of the 2030 Agenda.

Reflecting upon national experience and existing regional cooperation, Yang Berhormat Dato then highlighted two points. First, inculcating a stronger partnership is essential. Thus, how the dialogue can complement and provide further support to the other ASEAN sectoral bodies should be explored, as this is another key for short and long-term success.

Second, bringing in more important players to support SDGs should be considered. In this regard, the work done by ASEAN Stats particularly on the publication of the ASEAN SDGs Indicators Baseline Report was commended as they would greatly help to ensure tracking and measuring at national and regional levels. Yang Berhormat thereby recommended that the next dialogue feature more diverse stakeholders, including counterparts from the ASEAN Business Advisory Council, to promote effective and coordinated action across all SDGs goals. On this note, Brunei Darussalam was pleased that such open dialogue would be held after the closed session, and looked forward to a fruitful discussion.

The dialogue session began with opening remarks by the Co-Chair, His Excellency Suharo Monoarfa, Minister of National Development Planning of the Republic of Indonesia. Also attending the dialogue were ministers and senior officers from ASEAN Member States. An open dialogue was also held in which experts and relevant stakeholders shared their views on the topic.

***PRIME MINISTER'S OFFICE***

Jalan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Brunei Darussalam

20<sup>th</sup> September 2021